



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
DI BAWAH SEKSYEN 26A AKTA RACUN 1952 [AKTA 366]**

BILANGAN 1 TAHUN 2026

**ARAHAN BERKENAAN LARANGAN PENJUALAN SECARA BORONG RACUN UNTUK
TUJUAN PENGALAK TUMBESARAN ATAU PENCEGAHAN PENYAKIT HAIWAN
OLEH AHLI FARMASI BERLESEN DI BAWAH AKTA RACUN 1952**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26A Akta Racun 1952 [Akta 366], Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan yang berikut:

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini ditujukan kepada ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 yang menjual secara borong racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

1.2 Arahan ini adalah untuk menetapkan larangan penjualan secara borong racun tertentu untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima cadangan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, untuk melarang penggunaan racun dalam makanan haiwan untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit selaras dengan fasa pertama '*phasing out antimicrobial*' oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

2.2 Arahan berhubung larangan penjualan secara borong racun bagi tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan oleh ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 telah dikeluarkan dan berkuat kuasa pada 31 Oktober 2023 yang dinamakan sebagai Arahan Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 3 Tahun 2023.

2.3 Oleh itu, arahan ini dikeluarkan kepada ahli farmasi berlesen, bagi memperincikan larangan penjualan secara borong, penambahan tujuh (7) racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

3. PELAKSANAAN

Ahli farmasi berlesen dilarang menjual secara borong tujuh (7) racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan seperti berikut:

Bil. Racun Terlibat

Antibiotics, all substances of; their synthetic preparations; their salts; unless stated elsewhere in the List

- (1) Apramycin
- (2) Bacitracin Methylene Disalicylate (BMD)
- (3) Enramycin
- (4) Tiamulin
- (5) Trimethoprim
- (6) Virginiamycin
- (7) Zinc Bacitracin

4. PEMAKAIAN

Arahan ini adalah terpakai kepada semua ahli farmasi berlesen yang menjual racun secara borong.

5. PEMATUHAN

Kegagalan mematuhi arahan ini merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26A(3) Akta 366 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta 366.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa arahan ini adalah **SERTA-MERTA** mulai tarikh arahan ini dikeluarkan.



(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

Ketua Pengarah Kesihatan

Tarikh: 3 . 2 . 2026